

Hidup Benazir bak sebuah epik

U. M 29/12 2007 MS 19

Memiliki kecantikan, berkarisma dan bijak bercakap, beliau merupakan musuh kerajaan tentera yang berbahaya



ISLAMABAD 28 Dis. - Benazir Bhutto telah dilingkari dengan banyak perkara - penerus legasi bapanya yang kental, aristokrat populis, dituduh sebagai seorang penyangak, malah turut diiktiraf sebagai 50 wanita tercantik oleh majalah *People*.

Pada akhirnya, beliau menjadi mangsa korban kepada luahan perasaan di negara yang pernah dipimpinnya sebagai Perdana Menteri sebanyak dua kali.

Bagi Barat beliau merupakan seorang yang menguja dan wajah yang dikenali di Pakistan - pelopor gerakan feminis, wanita pertama memimpin negara Islam pada era moden - walaupun aurnya dicemari dengan dakwaan korupsi.

Bagi kebanyakan rakyat Pakistan, beliau merupakan pemimpin yang menjadi suara mereka, yang memenuhi keperluan dan harapan mereka.

Malah pengkritik beliau yang paling lantang pun akan menyatakan bahawa "beliau serorang ahli politik yang paling mahir kerana beliau tahu apa yang diinginkan oleh rakyat negara ini," kata editor akhbar *Dawn*, Zaffar Abbas.

"Jika anda bertanya kepada rakyat kebanyakan tentang pencapaian Benazir Bhutto semasa berkuasa, mereka akan mengatakan, sekurang-kurangnya beliau memberikan suara dan bercakap mengenai kami dan masalah kami. Itu merupakan pencapaian beliau sebenar," jelasnya.

Hakikatnya, kehidupan Benazir merupakan suatu epik, bapanya merupakan bekas Presiden dan bekas Perdana Menteri yang dihukum gantung, seorang abangnya mati dalam keadaan misteri dan seorang lagi ditembak mati oleh polis.

Beliau sendiri pernah dipenjarakan oleh pihak yang merampas kuasa dari bapanya, dalam kebanyakan masa ditahan bersendirian dan kemudiannya pernah menjadi Perdana Menteri sebanyak dua kali.

Beliau kemudian membawa diri menjelang pendakwaan korupsi dan hidup dalam buangan selama lapan tahun.

Benazir pula hidup dalam keadaan selesa semasa dalam buangan, jauh daripada kemelut politik Pakistan tetapi beliau memilih untuk pulang ke negara asal.

Ketika beliau kembali pada Oktober lalu

bagi menggerakkan penentangan terhadap Presiden Pervez Musharraf, bekas Perdana Menteri ini menjadi sasaran serangan berani mati yang mengorbankan lebih 138 nyawa.

Pemimpin pembangkang berusia 54 tahun ini terselamat dalam serangan tersebut.

"Kami tidak akan kalah," katanya.

Sebagaimana keluarga Gandhi-Nehru menguasai politik India, keluarga Bhutto turut memainkan peranan utama dalam politik Pakistan hampir setengah abad.

Bapa Benazir, Zulfikar Ali Bhutto, merupakan seorang anak tuan tanah yang kaya di selatan Pakistan serta pengasas kepada Parti Rakyat Pakistan.

Beliau muncul dalam arena politik pada 1971 dengan pendekatan populist dan pro-demokrasi.

Bagaimanapun enam tahun kemudian beliau digulingkan oleh tentera dan dijatuhi hukuman mati pada 1979 oleh kerajaan Jeneral Mohammad Zia-ul-Haq selepas didapati bersalah membunuh bapa kepada seorang musuh politiknya.

Sehari sebelum beliau digantung, anak perempuannya telah melawat Zulfikar di penjara.

"Saya memberitahu beliau (bapanya) dan bersumpah, saya akan meneruskan perjuangannya,"

kata Benazir ketika mengingati permulaan perjuangannya.

Bagaimanapun sejak itu dan beberapa tahun seterusnya Benazir lebih banyak menghabiskan masa di dalam penjara atau dikenakan tahanan di dalam rumah.

Semasa usia remaja beliau telah dihantar bapanya untuk belajar politik dan kerajaan di Harvard, dan kemudiannya menyambung pelajaran di Oxford dan berpeluang mengetuai kumpulan debat, Oxford Union.

Memiliki kecantikan, berkarisma dan bijak bercakap, beliau merupakan musuh kerajaan tentera yang berbahaya.

Adik bongsunya, Shahnawaz menggerakkan penentangan dari Perancis tetapi ditemui mati dalam keadaan misteri di pangsapuriunya di Riviera, Paris pada 1980 dan menurut keluarga Bhutto, beliau mati diracun.

Dibebaskan pada 1984 bagi mendapatkan rawatan untuk sakit telinga di London, beliau telah menubuhkan Parti Rakyat Pakistan (PPP).

Dua tahun kemudian beliau pulang ke Pakistan dan mendesak Zia meletakkan jawatan bagi membolehkan pembentukan kerajaan awam melalui pilihan raya.

Pemimpin tentera itu enggan mengalah tetapi pada 1988, beliau meninggal dunia dalam satu letupan kapal terbang.

Benazir mengetuai parti yang diasaskan oleh bapanya tetapi terpaksa berdepan dengan abangnya, Murtaza yang mendapat sokongan ibunya.

Benazir muncul sebagai pemenang di atas landasan "menye-

diakan makanan, pakaian dan perlindungan untuk semua."

Selepas beberapa bulan melahirkan anak sulung beliau telah dilantik sebagai Perdana Menteri.

Bagaimanapun dua bulan kemudian Presiden Ghulam Ishaq Khan membubarkan Parlimen dan menyingkirkan beliau atas dakwaan menyalahgunakan kuasa.

Kerajaan sementara yang disokong oleh tentera kemudiannya memfailkan dakwaan korupsi ke atasnya sementara para ulama berusaha mendapatkan perintah mahkamah bagi menghalangnya bertanding pada pilihan raya.

"Sesiapa yang menyokong PPP tidak akan masuk syurga," kata seorang ulama terkemuka Pakistan, Abdul Qadir menjelang pilihan raya 1990.

Kali ini, beliau kalah di tangan seorang lagi pemimpin pembangkang, Nawaz Sharif yang kerajaannya juga tidak bertahan lama apabila didesak meletakkan jawatan pada 1993.

Pada Oktober 1993, ibu kepada tiga orang anak ini telah dilantik sebagai Perdana Menteri bagi kali kedua.

Pada 1996 kerajaan pimpinannya tumbang berikutan dakwaan nepotisme dan salah urus ekonomi.

Di seluruh dunia Benazir dianggap sebagai heroin feminis dan dalam kempen-kempenya, beliau menyuarakan diskriminasi seksual walaupun tidak banyak langkah diambil oleh pentadbirannya.

Beliau juga pernah mencetuskan kejutan apabila berkahwin pada 1987 atas pilihan keluarga dengan seorang ahli perniagaan dari Karachi, Asif Ali Zardari.

Bagaimanapun perkahwinan tersebut banyak menjadi penyumbang kepada kejatuhan politiknya.

Beberapa tahun kemudian pasangan ini didakwa meminta "komisen" yang besar dari syarikat-syarikat luar, hingga Asif digelar *Mr. 10 Percent*.

Semasa penggal kedua sebagai Perdana Menteri, gelaran terhadap suaminya itu yang suka meminta imbuhan dinaikkan kepada *Mr. 40 Percent*.

Asif pernah dipenjarakan selama lapan tahun dan dibebaskan pada 2004 walaupun tiada langsung dakwaan rasmi dikenakan terha-



dapnya.

"Saya tidak pernah mempengaruhi pemberian kontrak dan sehingga akhir hayat saya akan berpegang teguh dengan pendirian saya. Mereka mahu memusnahkan hidup saya kerana mereka mahu memusnahkan konsep Pakistan yang liberal dan pluralistik. Didakwa mencuri adalah sesuatu yang sangat menyakitkan," kata Benazir pada 1999.

Switzerland pernah membeku akaun bank milik pasangan ini yang mengandungi AS\$13 juta (RM41.6 juta) atas dakwaan menggelapkan wang tetapi ditarik balik apabila mereka mencabar dakwaan itu di mahkamah.

Pada 1999, Benazir sekali lagi menyertai pilihan raya tetapi kalah dan meninggalkan Pakistan sebelum mahkamah mensabitkan beliau atas dakwaan korupsi dan melarangnya aktif politik.

Sabitkan tersebut kemudian digugurkan tetapi beliau lebih suka tinggal dalam buangan, terutamanya di London dan Dubai bersama-sama tiga anak dan ibunya yang uzur.

Selepas mendapat pengampunan Pervez beliau telah kembali ke Pakistan dan melancarkan kempen untuk menyertai pilihan raya.

Seperti yang dilakukan sebelum ini beliau berkempen mengenai isu-isu kebajikan sosial, memperkatakan hal-ehwal mengenai usaha memerangi pengganas yang menarik perhatian Amerika Syarikat.

Ketika berucap di hadapan para penyokong di bandar Nawab Shah, beliau dilihat dalam keadaan yang santai dan bersemangat.

"Saya berasa sangat gembira dapat pulang ke kampung halaman sendiri," katanya.

"Lawatan ke setiap bandar merupakan pengalaman baru kepada saya. Saya berasa sangat gembira. Saya berasa seperti diberikan kehidupan baru apabila berada di samping rakyat," katanya.

Kira-kira 13 tahun lalu ketika seorang wartawan *Time* menyatakan bahawa hidupnya seperti kisah tragedi Greek; beliau ketawa.

"Baiklah, saya berharap ia tidak terlalu tragik. Tidak semua drama Greek berakhir dengan tragedi?" katanya.